



AN ANALYSIS OF MALAYSIAN FATWA OF NASOPHARYNGEAL AND THROAT SWAB TEST FOR DIAGNOSIS OF COVID 19 DURING FAST

ANALISA FATWA MALAYSIA BERKENAAN UJIAN PENGAMBILAN SAMPEL SWAB NASOFARINK DAN KERONGKONG UNTUK DIAGNOSIS KES COVID 19 KETIKA PUASA

Irwan Mohd Subri¹, Eyzawiah Hassan² & Siti Asmat Md Arepen³

¹ Pengarah, Institut Fatwa dan Halal (IFFAH); Profesor, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia; Setiausaha, Akademi Fiqh Islami Malaysia (AFHAM). irwan@usim.edu.my

² Pakar Otolaryngologi (Telinga, Hidung & Tekak), Fakulti Perubatan & Sains Kesihatan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), eyzawiah@usim.edu.my

³ Pakar Otolaryngologi (Telinga, Hidung & Tekak), Fakulti Perubatan & Sains Kesihatan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). drsitiasmat@usim.edu.my

Abstract

In late December 2019, we were thrown with a new pandemic known as COVID-19 caused by SARS-CoV2 virus. The lab confirmation of the disease required samples from respiratory system Samples are taken from nasopharynx and oropharynx using swabs that inserted through nasal cavity and oral cavity respectively. This year, Ramadan is celebrated while the COVID-19 disease is fast spreading across the globe and the diagnostic procedures need to be carried out. It raised the arguments the swab tests cause a Muslim person's fast to be invalidated. This article will discuss the issue with the consensus of the Muslim scholars based on Islamic and Fatwa guidelines.

Keywords: COVID-19, Nasopharynx, Oropharynx, Swab, Cavity.

Abstrak

Pada akhir Disember 2019, dunia di gemparkan dengan wabak penyakit baru yang dikenali sebagai COVID-19 yang berpunca dari jangkitan virus SARS-CoV2. Untuk mengesahkan seseorang di jangkiti virus SARS-CoV-2, ujian sampel daripada salur pernafasan, perlu diuji di makmal. Sampel daripada nasofarink dan kerongkong diambil menggunakan batang swab yang dimasukkan melalui rongga hidung dan mulut. Pada tahun ini, seluruh dunia menyambut Ramadan dalam keadaan penyakit COVID-19 masih tersebar dengan pantas di seluruh dunia dan pengambilan sampel perlu diteruskan. Bagi umat Islam semestinya prosedur ujian saringan yang mengambil sampel dari nasofarink dan kerongkong menjadi pertanyaan ramai samada akan membatalkan puasa atau tidak. Artikel ini akan mengupas lebih lanjut dari perspektif Islam dan Fatwa.

Kata kunci: COVID-19, Nasofarink, Kerongkong, Swab, Rongga.

PENDAHULUAN

Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) telah mengisytiharkan COVID-19 sebagai nama rasmi untuk penyakit *novel coronavirus pneumonia* pada 11hb Februari 2020 (WHO(a), 2020). Penyakit ini telah dikenal pasti kali pertama pada 31 Disember 2019, di Wuhan China. COVID-19 adalah singkatan Co untuk *Corona*, Vi untuk virus, dan D untuk “*disease*” iaitu bermaksud penyakit.

Penyakit ini telah tersebar ke seluruh dunia dengan pantas sehingga WHO mengumumkan ia sebagai darurat kesihatan awam global pada tanggal 30 Januari 2020 apabila ia telah mengakibatkan 170 kematian di China dan ia telah merebak ke 18 buah negara (WHO(b), 2020). Penularan global yang sangat membimbangkan telah memaksa WHO mengisytiharkan COVID-19 sebagai wabak pandemik (WHO(c), 0202). Sehingga 21 April 2020, sebanyak 2,473,454 kes positif dengan 169,989 kematian dan telah melibatkan 184 buah negara di seluruh dunia. Pada masa yang sama, Malaysia menduduki tangga-44 dunia dengan 5482 kes positif dan 92 jumlah kematian (CPRC Kementerian Kesihatan Malaysia, 2020).

COVID-19 disebabkan oleh sejenis virus SARS-CoV-2, daripada keluarga besar *Coronaviridae* (Richman DD et al, 2016). Virus ini disyaki bawaan haiwan eksotik seperti kelawar dan ular. Ia boleh berjangkit dikalangan haiwan dan manusia. Penularan di kalangan individu kepada individu yang lain boleh berlaku melalui titisan cecair daripada salur pernafasan seperti bersin dan batuk. Jangkitan SARS-CoV-2 pada manusia kebanyakannya tidak mempunyai simptom. Jika ada, simptom yang biasa berlaku adalah demam, batuk, selesema, hidung tersumbat dan hilang deria bau dan rasa serta sukar bernafas. Pesakit boleh mengalami simptom yang ringan dan sebahagian kecil boleh membawa maut (Huang C et al. 2020).

Diagnosis COVID-19 perlu melalui ujian makmal menggunakan sampel daripada salur pernafasan, seperti swab daripada kerongkong, hidung dan nasofarink, kahak serta cecair daripada trakea dan paru-paru (Huang C et al., 2020). Menurut Garis Panduan Pengurusan COVID-19 di Malaysia No.5/2020 yang di kemaskini pada 25 March 2020 (MOH), pusat-pusat saringan di Malaysia akan mengambil sampel dari dua bahagian iaitu nasofarink dan kerongkong.

Walaupun, sampel daripada salur pernafasan di bahagian bawah iaitu trakea, bronkus dan alveolus disarankan untuk kes yang lebih teruk. Kajian yang dilakukan di China telah membuktikan sampel swab daripada nasofarink lebih sensitif berbanding sampel swab kerongkong (Yang Y et al., 2020). Sampel daripada saluran pernafasan yang diambil akan disahkan melalui ujian molekul *real-time RT-PCR* untuk pengesanan SARS-CoV-2. Setakat ini, hanya ujian sampel swab daripada nasofarink dan kerongkong yang disarankan untuk pengesanan penyakit COVID-19 di pusat-pusat saringan di seluruh negara (MOH).

Ujian swab yang dilakukan di pusat saringan atau hospital melibatkan prosedur memasukkan batang swab melalui rongga hidung sehingga ke nasofarink dan rongga kerongkong. Ujian swab wabak COVID-19 juga dilakukan pada siang bulan Ramadan. Oleh itu, artikel ini akan membincangkan tentang ujian pengambilan swab nasofarink dan kerongkong yang melibatkan prosedur memasukkan sesuatu objek kedalam rongga sewaktu berpuasa dari sudut perspektif fatwa di Malaysia.

PROSEDUR SEWAKTU PENGAMBILAN SAMPEL SWAB NASOFARINK

Berikut adalah prosedur pengambilan sampel swab nasofarink (PROVLAB, 2017):

- i. Pengamal perubatan yang bertugas seharusnya mengenakan pakaian pelindung diri yang lengkap dan mengamalkan teknik kebersihan.
- ii. Pesakit akan duduk tegak di kerusi atau berbaring di atas katil dengan bahagian kepala dinaikkan supaya berada dalam keadaan tegak.
- iii. Bahagian belakang kepala seharusnya disokong untuk mengelakkan pergerakan dan kedudukan lebih selesa dan stabil.
- iv. Batang swab akan dimasukkan ke dalam rongga hidung secara perlahan-lahan, melalui bahagian lantai rongga hidung sehingga ke bahagian belakang rongga hidung iaitu nasofarink (Gambar 1). Kedalaman batang swab sekitar 4cm-5cm untuk pesakit dewasa dan lebih pendek untuk kanak-kanak.
- v. Selepas swab dikeluarkan, ia akan dimasukkan kedalam botol medium untuk virus dan dibawa ke makmal.




Gambar 1: Batang swab dimasukkan melalui rongga hidung sehingga ke nasofarink (Medivisual, 2020)

PROSEDUR SEWAKTU PENGAMBILAN SAMPEL SWAB KERONGKONG

Berikut adalah prosedur pengambilan sampel swab kerongkong (PROVLAB, 2017, Puritan Blog, 2015):

- i. Selepas pengambilan swab daripada hidung, seterusnya sampel akan diambil daripada rongga kerongkong.
- ii. Pesakit berada dalam kedudukan yang sama dan membuka mulut.
- iii. Petugas kesihatan akan menekan lidah ke bawah menggunakan batang kayu nipis (*tongue depressor*) supaya rongga kerongkong terbuka. Kemudian batang swab akan dimasukkan dan sampel akan diambil di sekitar tonsil dan dinding belakang kerongkong (Gambar 2)
- iv. Selepas swab dikeluarkan, ia akan dimasukkan kedalam botol medium untuk virus dan dibawa ke makmal dan melalui proses ujian makmal *real-time RT-PCR* untuk pengesanan SARS-CoV-2.



Gambar 2: Batang swab dimasukkan melalui mulut untuk mengambil sampel dari tonsil dan kerongkong (Puritan, 2015)

PANDANGAN HUKUM DAN FATWA DI MALAYSIA BERKAITAN PROSEDUR SWAB KETIKA PUASA

Antara Jawatankuasa Fatwa yang memutuskan pandangan hukum atau fatwa berkaitan prosedur swab ketika puasa ialah seperti berikut:

a. Jawatankuasa Muzakarah Kebangsaan MKI: Panduan Hukum Ujian Saringan Dan Prosedur Rawatan Pesakit Covid19 Pada Bulan Ramadhan

Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Khas Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) Edisi Khas Pandemik COVID-19 Kali Ke-3 pada 21 April 2020 telah memutuskan:

“Prosedur saringan bagi mengesan penyakit COVID-19 adalah dengan mengambil sapel lender (mukus) yang berada di dalam hidung sehingga ke kawasan nasopharynx (rongga hidung paling atas) dan rongga mulut hingga ke kawasan oropharynx (anak tekak) adalah tidak membatalkan puasa. Ianya selaras dengan keputusan Jawatankuasa Muzakarah Kebangsaan MKI kali Ke-87 pada 23 hingga 25 Jun 2009 yang telah memperakukan Panduan Berpuasa Bagi Pesakit” (Jawatankuasa Muzakarah Kebangsaan MKI, 2020).

b. Jabatan Mufti Negeri Perak: Garis Panduan Hukum Ujian Saringan Dan Prosedur Rawatan Pesakit Covid-19 Pada Bulan Ramadan

Jabatan Mufti Negeri Perak telah mengeluarkan garis panduan hukum ujian saringan dan prosedur rawatan pesakit covid-19 pada bulan Ramadan seperti berikut:

“1. Panduan ini dikemukakan selaras dengan keperluan semasa berkaitan dengan ketetapan hukum terhadap pesakit yang menjalani ujian saringan dan prosedur rawatan pesakit COVID-19. Ujian saringan ini merupakan suatu keperluan terhadap individu yang dikenalpasti mempunyai gejala COVID-19 serta mereka yang mempunyai kontak rapat dengan pesakit positif COVID-19. Pelaksanaannya akan dilakukan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia dan pihak hospital swasta. Apakah ujian saringan ini akan membatalkan puasa pesakit yang dilaksanakan ujian dan rawatan tersebut?

2. Kaedah saringan dalam menentukan individu positif COVID-19 yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berdasarkan Garis Panduan Pengurusan COVID19 di Malaysia No.5/20202 ialah melalui *Nasopharyngeal swab* dan

Oropharyngeal swab. Melalui kaedah Nasopharyngeal swab, alat swab akan dimasukkan ke dalam rongga hidung individu yang menjalani ujian saringan COVID-19 sehingga ke kawasan nasopharynx dengan kedalaman lebih kurang 4.8 cm bagi kanak-kanak dan 8-12 cm bagi orang dewasa untuk mengambil sampel mukus. Melalui kaedah Oropharyngeal swab pula, alat swab dimasukkan ke dalam mulut hingga ke kawasan oropharynx iaitu di belakang anak tekak bagi mengambil sampel mukus.

3. Antara hujah-hujah yang menyokong keputusan di atas ialah:

i. Al-Imam al-Nawawi telah mengemukakan dua pandangan berhubung memasukkan sesuatu ke dalam rongga sepertimana yang dinyatakan di dalam kitab al-Majmu' jilid ke-6 pada halaman 355:

فكذلك إذا تميمض فنزل الماء إلى جوفه وجب أن يبطل صومه (والثاني) لا يبطل لأنه وصل إلى جوفه بغير اختياره فلم يبطل صومه كغبار الطريق وغريلة الدقيق.

Maksudnya: *“Demikian juga apabila berkumur lalu sisa air itu masuk ke bahagian rongga maka wajib dibatalkan puasanya. (Kedua) tidak batal kerana ia masuk ke dalam rongga bukan atas pilihannya, maka puasanya tidak batal seperti debu jalan dan sisa tapisan yang sedikit”*.

ii. Dalam kitab al-Mu'tamad fi al-Fiqh al-Shafi'i jilid ke-2 pada muka surat 182 turut dinyatakan:

وإن تميمض الصائم أو استنشق فوصل الماء إلى جوفه، فإنه إن لم يبالغ في المضمضة والاستنشاق فلا يفطر، لأنه وصل إلى جوفه بغير اختيار فلم يبطل صومه، كغبار الطريق، وإن بالغ بطل صومه، لأن المبالغة في المضمضة والاستنشاق أثناء الصوم منهي عنه لقول النبي صلى الله عليه وسلم للقيط بن صبرة: إذا استنشقت فبالغ في الوضوء، إلا أن تكون صائماً، فنهاه عن المبالغة، فلوم لم يكن وصول الماء في المبالغة يبطل الصوم لم يكن للنهي عن المبالغة معنى.

Maknanya: *“Jika orang yang berpuasa berkumur atau memasukkan air ke dalam hidung hingga ke bahagian rongga, sekiranya dia tidak sengaja menyampaikan air tersebut ke dalam rongga maka tidak batal puasanya. Hal ini kerana air tersebut masuk ke dalam rongga bukan atas pilihan (kehendaknya) maka ia tidak membatalkan puasa. Contohnya seperti debu jalan, jika sengaja dia memasukkan ke dalam rongga maka batallah puasanya kerana perbuatan menyampaikan air semasa berkumur dan memasukkan air ke dalam hidung semasa berpuasa adalah ditegah kerana sabda Rasulullah SAW kepada Laqit bin Sabirah: “Apabila engkau memasukkan air ke dalam hidung maka hendaklah engkau menyampaikan air tersebut (ke bahagian dalam hidung) semasa berpuasa kecuali jika engkau berpuasa”. Maka tegahan yang terdapat daripada hadis ini ialah perbuatan menyampaikan air ke bahagian dalam hidung. Jika tidaklah kerana perbuatan itu nescaya batallah puasa dan tiadalah tegahan seperti itu dari sudut makna”*.¹

¹ Terdapat kesalahan dalam menterjemahkan ibarah teks kitab ni. Yang sebetulnya ialah:

إذا استنشقت فبالغ في الوضوء، إلا أن تكون صائماً، فنهاه عن المبالغة، فلوم لم يكن وصول الماء في المبالغة يبطل الصوم لم يكن للنهي عن المبالغة معنى.

Maknanya: *“Apabila kamu memasukkan air ke dalam hidung maka hendaklah engkau mubalaghah (berlebih-lebih menyampaikan air tersebut ke bahagian dalam hidung) semasa berpuasa kecuali jika kamu berpuasa”*. Rasulullah menegahnya daripada perbuatan *istinshaq* secara berlebih-lebih. Jika tidaklah masuknya air ke

iii. Dalam kitab al-Fiqh al-Manhajiyy jilid pertama pada muka surat 342, menerangkan situasi memasukkan sesuatu benda ke dalam rongga melalui ruang yang terbuka seperti nas yang berikut:

والمقصود بالعين: أي شيء تراه العين. والجوف: هو الدماغ. أو ما وراء الحلق إلى المعدة والأمعاء. والمنفذ المفتوح: هو الفم والأذن والقبل والدبر من الذكر والأنثى.

Maksudnya: “Benda bermaksud sesuatu yang dapat dilihat manakala rongga bermaksud al-dimagh atau ruang selepas halkum hingga usus dan tali perut. Ruang yang sedia terbuka bermaksud mulut, telinga, kemaluan dan dubur bagi lelaki dan perempuan”.

4. Berdasarkan kepada penelitian dan juga pandangan serta kajian yang telah dilaksanakan Bahagian Penyelidikan JAKIM maka, Jabatan Mufti Negeri Perak bersetuju dengan Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Khas Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Kali Ke-3 bahawa penggunaan kaedah saringan melalui Nasopharyngeal swab dan Oropharyngeal swab terhadap pesakit yang sedang berpuasa adalah tidak membatalkan puasa” (Jabatan Mufti Negeri Perak, 2020).

c. Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang yang telah bersidang pada 22 April 2020 bersamaan 28 Syaaban 1441H telah memutuskan seperti berikut:

“Panduan Hukum Berkaitan Ujian Saringan dan Prosedur Rawatan Pesakit Covid-19 Pada Bulan Ramadan.

- i. Hukum Puasa Kerana Menjalani Ujian Saringan Perubatan COVID-19
 - (a) Prosedur saringan bagi mengesan penyakit Covid-19 adalah dengan mengambil sampel lendir (mukus) yang berada di dalam hidung sehingga ke kawasan *nasopharynx* (rongga hidung paling atas) dan rongga mulut hingga ke kawasan *oropharynx* (anak tekak) adalah tidak membatalkan puasa. Namun mesyuarat mencadangkan supaya puasa tersebut diqada sebagai langkah untuk keluar daripada khilaf fuqaha.
 - (b) Bagi kes yang tidak mempunyai keperluan mendesak hendaklah ditangguhkan ujian saringan sehingga selepas waktu berbuka puasa.
- ii. Hukum Puasa Pesakit Positif COVID-19 Yang Tidak Bergejala (Dalam Pemantauan Dan Tidak Perlu Ambil Ubat-Ubatan)
 - (a) Pesakit yang positif COVID-19 yang tidak bergejala dan tidak perlu memakan dan mengambil ubat, mereka diwajibkan untuk melaksanakan ibadah puasa;
 - (b) Sekiranya tidak mampu melaksanakan ibadah puasa atau sekiranya berpuasa boleh melambatkan kesembuhan atau akan memudaratkan lagi keadaan mereka (atas nasihat pakar perubatan), maka dalam keadaan ini mereka diharuskan untuk tidak berpuasa; dan
 - (c) Mereka wajib menggantikan puasa yang ditinggalkan setelah berakhir bulan Ramadan mengikut bilangan hari yang ditinggalkan.
- iii. Hukum Puasa Pesakit Positif COVID-19 Yang Bergejala (Dalam Rawatan Yang Memerlukan Pengambilan Ubat- Ubatan Atau Bantuan Peralatan).

dalam rongga akibat berlebih-lebih ketika *istinshaq* boleh membatalkan puasa, maka tegahan Nabi SAW tidak membawa apa-apa maksud”. Maksudnya, perbuatan *istinshaq* secara berlebih-lebih sehingga masuknya air ke dalam rongga boleh membatalkan puasa.

- (a) Pesakit yang memerlukan kepada pengambilan ubat-ubatan, mereka diharuskan untuk tidak berpuasa. Namun demikian, mereka disarankan untuk mematuhi Panduan Kaedah Pelaksanaan Ibadah Pada Bulan Ramadan Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Covid-19; dan
- (b) Bagi pesakit yang memerlukan kepada bantuan peralatan pernafasan, tiada halangan untuk tidak berpuasa kerana ianya adalah keuzuran dan rukhsah yang telah disepakati oleh para fuqaha keseluruhannya. Namun demikian, puasa yang ditinggalkan tetap perlu digantikan setelah berakhir bulan Ramadan mengikut bilangan hari yang ditinggalkan” (Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang, 2020).

d. Jabatan Mufti Negeri Perlis: Hukum Ujian Swab Untuk Saringan Covid-19 Terhadap Orang Berpuasa

Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis telah memutuskan:

“Berdasarkan Garis Panduan Pengurusan COVID-19 yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), kaedah saringan dalam menentukan individu positif COVID-19 ialah melalui *Nasopharyngeal swab* dan *Oropharyngeal swab*. Kaedah *Nasopharyngeal swab* ialah alat swab akan dimasukkan ke dalam rongga hidung individu sehingga ke kawasan *nasopharynx* dengan kedalaman lebih kurang 4.8 cm bagi kanak-kanak dan 8-12 cm bagi orang dewasa untuk mengambil sampel mukus. Manakala kaedah *Oropharyngeal swab* pula ialah alat swab dimasukkan ke dalam mulut hingga ke kawasan *oropharynx* iaitu di belakang anak tekak bagi mengambil sampel mukus.

Setelah melihat kepada dalil-dalil yang dikemukakan secara perbandingan, maka Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis *mentarjihkan* pendapat (memilih pendapat yang lebih kuat) yang menyatakan bahawa ujian saringan COVID-19 melalui swab seperti yang dimaksudkan adalah tidak membatalkan puasa.

Antara hujah dan alasan dalam masalah ini ialah:

1. Ujian swab tidak membawa gambaran dan makna makan atau minum yang menjadi sebab membatalkan puasa dengan ijmak ulama. Maka sesuatu puasa yang sah secara yakin tidak boleh dianggap batal dengan sesuatu yang syak atau sekadar sesuatu andaian.
2. Menjadikan alasan memasukkan sesuatu ke dalam *al-Jauf* (rongga dalam) sebagai sebab pembatalan puasa menimbulkan perbezaan pendapat yang luas di kalangan ulama mazhab. Pandangan yang *ditarjihkan* iaitu ujian swab tidak membatalkan puasa bertepatan dengan pandangan sebahagian ulama Hanafi yang mensyaratkan sesuatu yang masuk ke dalam *al-Jauf* mestilah sesuatu yang kekal di dalamnya dan tidak bersambung dengan sesuatu lain di luar badan.
3. Sebagai tambahan sokongan, *al-Majma' al-Fiqhi al-Islami* di dalam majalah *al-Majma'*, 10 / 453-455 telah menyenaraikan beberapa isu perubahan yang tidak membatalkan puasa termasuklah “memasukkan *gastroscope* (teropong perut) ke dalam perut tanpa sebarang bendalir atau seumpamanya”.

Jika demikian, maka lebih sepatutnya ujian swab yang hanya membatalkan proses memasukkan alat swab ke dalam rongga hidung atau mulut untuk mendapatkan sampel yang diperlukan kemudian dikeluarkan semula juga tidak membatalkan puasa” (Jabatan Mufti Negeri Perlis, 2020).

e. Jabatan Mufti Negeri Sarawak: Hukum Ujian Saringan Dan Prosedur Rawatan Pesakit COVID-19 Pada Bulan Ramadan

Mesyuarat Khas Lembaga Fatwa Negeri Sarawak pada 28 Syaaban 1441H bersamaan 22 April 2020M telah memutuskan:

“Prosedur saringan bagi mengesan penyakit COVID-19 pada bulan Ramadan melalui kaedah Nasopharyngeal Swab (swab dimasukkan ke dalam rongga hidung) dan Oropharyngeal Swab (swab dimasukkan ke dalam mulut hingga ke Kawasan anak tekak) adalah tidak membatalkan puasa” (Jabatan Mufti Negeri Sarawak, 2020).

ANALISA FATWA DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan pembentangan pandangan hukum atau fatwa berkaitan prosedur swab ketika puasa sebelum ini, dapat dirumuskan, bahawa Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri dalam memutuskan fatwa berkenaan prosedur swab Ketika puasa telah menerima pakai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Khas Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) Edisi Khas Pandemik COVID-19 Kali Ke-3 pada 21 April 2020.

Hal ini kerana para mufti negeri telah sama-sama menghadiri taklimat kesihatan berkaitan COVID-19 khususnya mengenai prosedur swab ketika puasa. Dalam isu ini, nampaknya boleh dikatakan bahawa semua negeri di Malaysia menerima pakai keputusan Jawatankuasa Muzakarah MKI yang memutuskan prosedur swab sama ada ke dalam hidung ataupun kerongkong tidak membatalkan puasa.

Betapa pentingnya adalah aspek yang melibatkan ujian pengambilan sampel swab nasofarink dan kerongkong untuk tujuan diagnosis kes covid 19 dengan perihal ibadat puasa ini harus didasarkan pada bukti hasil penelitian ilmiah kedokteran yang dapat dipertanggung-jawabkan secara medikal dan klinikal. Sebagaimana firman Allah S.W.T yang telah dijelaskan dalam al-Quran:

﴿وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ إِلَّا رِجَالًا نُوحِي إِلَيْهِمْ ۖ فَاسْأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ﴾

Maksudnya, “Maka bertanyalah kepada orang yang mempunyai pengetahuan jika kamu tidak mengetahui” (al-Quran. al-Nahl: 16: 43).

Mufti Perlis, Datuk Dr. Mohd Asri Zainul Abidin, menjelaskan dua kaedah yang ketika ini diguna petugas Kementerian Kesihatan untuk melakukan ujian berkenaan didapati tidak membawa gambaran sebagai makan dan minum. Katanya, kaedah memasukkan peralatan khusus ke dalam rongga hidung dan belakang anak tekak pada kadar dalaman tertentu didapati bukan tindakan makan dan minum sehingga membatalkan puasa.

Beliau juga menjelaskan dalam al-Majma’ al-Fiqhi al-Islami sudah menyenaraikan beberapa isu dan mekanisma dalam bidang perubatan yang diklasifikasikan sebagai tidak membatalkan puasa termasuk perbuatan memasukkan ‘gastroscope’ (teropong perut) ke dalam perut tanpa sebarang bendalir atau seumpamanya. Ujian swab yang hanya membabitkan proses memasukkan alat khusus ke dalam rongga hidung atau mulut bagi mendapatkan sampel yang diperlukan lalu dikeluarkan semula juga tidak membatalkan puasa (Berita Harian, 2020).

Mufti Kelantan, Datuk Mohamad Shukri Mohamad menjelaskan, berdasarkan pegangan mazhab Shafi’i, ujian berkenaan juga dibenarkan dan diberi kelonggaran kepada umat Islam yang berpuasa kerana ia menyentuh aspek kesihatan. Beliau menjelaskan dari sudut Syarak pula, ujian seperti itu mempunyai kelonggaran dalam Islam kerana mengambil kira aspek kesihatan seseorang.

Berdasarkan pengalaman beliau yang menjalani prosedur swab COVID-19, ujian swab itu tidak masuk jauh ke dalam rongga hidung. Begitu juga untuk sampel yang diambil di rongga tekak. Menurut beliau, ujian swab tidak membatalkan puasa. Jika ujian itu jauh ke dalam tekak atau kerongkong, barulah ia membatalkan puasa (Berita Harian, 2020).

Mufti Pahang, Datuk Seri Abdul Rahman Osman juga senada dengan Mufti Kelantan di mana beliau berpendapat ujian swab dalam pemeriksaan saringan COVID-19 tidak akan menyebabkan puasa Ramadan seseorang terbatal. Katanya, ia berdasarkan pemerhatian bahawa alat yang digunakan untuk melakukan ujian swab COVID-19 diakui tidak masuk jauh ke dalam rongga hidung atau kerongkong.

Menurut beliau, ujian swab tidak akan membatalkan puasa kerana alat berkenaan tidak sampai jauh ke dalam rongga hidung atau sehingga ke halkum atau kerongkong. Ia berbeza dengan penggunaan 'inhaler' kerana ia akan masuk ke dalam rongga perut yang ternyata membatalkan puasa mengikut hukum syarak (Berita Harian, 2020).

Namun Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang dilihat mengambil jalan *ihtiyat* (berjaga-jaga) apabila mencadangkan dua cadangan berkenaan prosedur swab ketika puasa. Yang pertama ialah supaya puasa tersebut diqada sebagai langkah untuk keluar daripada khilaf fuqaha. Yang kedua ialah sekiranya prosedur swab itu boleh dilakukan pada waktu malam bulan Ramadan, itu adalah Langkah yang paling terbaik juga untuk keluar daripada khilaf fuqaha berkenaan isu ini (Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang, 2020).

Samalah keadaannya jika dimasuki debu jalanan, debu tepung atau lalat yang terbang masuk ke dalam kerongkong. Semua ini dimaafkan kerana tidak sengaja. Namun, jika seseorang berkumur-kumur dengan berlebihan, ia boleh menyebabkan air masuk ke dalam kerongkong, dan jika ini berlaku, maka puasanya batal. Selain itu, di antara sebab batal puasa adalah memasukkan sesuatu ke dalam rongga badan yang terbuka dengan sengaja. Membersihkan telinga atau hidung tidak semestinya membatalkan puasa. Ia dibolehkan dengan kadar yang sederhana dan berhati-hati. Contohnya, membersihkan telinga di kawasan yang tidak terlalu dalam. Namun, jika merasa ragu-ragu sekiranya perbuatan sebegitu boleh membatalkan puasa, maka jangan lakukan dan bersihkanlah telinga dan hidung pada waktu malam (Majlis Ugama Islam Singapura, 2021).

Apa yang menarik, keputusan yang mengatakan prosedur swab tidak membatalkan puasa yang diputuskan sama ada di peringkat Jawatankuasa Muzakarah MKI mahupun di peringkat Jawatankuasa Fatwa Negeri "berlawanan" dengan pandangan mazhab Shafi'i.

Imam al-Nawawiyy dalam kitab "*Minhaj al-Talibin Wa 'Umdat al-Muftin*" menjelaskan:

شرط الصوم: الإمساك عن الجماع، والإستقاءة..... وعن وصول العين إلى ما يسمى جوفاً...

Maksudnya, "Syarat berpuasa ialah menahan diri daripada jimak, muntah sengaja.... dan daripada masuknya sesuatu ke dalam rongga".

Imam al-Nawawiyy dalam kitab "*al-Majmu' Sharh al-Muhadhdhab*" menjelaskan:

وإن تلمضمض أو استنشق، فوصل الماء إلى جوفه أو دماغه، فقد نص فيه علي قولين، (فمن) أصحابنا من قال القولان إذا لم يبالغ، فأما إذا بالغ فيبطل صومه قولاً واحداً، وهو الصحيح، لِأَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لِلْقَيْطِ بْنِ صَبْرَةَ "إِذَا اسْتَنْشَقْتَ فَأَبْلِغِ الْوَضُوءَ إِلَّا أَنْ تَكُونَ صَائِماً". فنهاه عن المبالغة، فلو لم يكن وصول الماء

في المبالغة يبطل الصوم، لم يكن للنهي عن المبالغة معنى، ولأن المبالغة منهي عنها في الصوم، وما تولد من سبب منهي عنه، فهو كالمباشرة.

Maksudnya, “Sekiranya orang yang berpuasa berkumur atau memasukkan air ke dalam hidung, lalu air masuk hingga ke rongga atau otaknya, telah disebut ada dua pandangan dalam isu ini. Ada antara fuqaha kita yang berkata ada dua pandangan; sekiranya dia tidak berlebih-lebih (maka tidak terbatal puasa). Jika dia berlebih-lebih, maka batal puasanya secara ittifaq dan inilah pandangan yang kuat (sahih). Hal ini kerana Rasulullah SAW berkata kepada Laqit bin Sabirah: “Apabila engkau memasukkan air ke dalam hidung maka hendaklah engkau menyampaikan air tersebut (ke bahagian dalam hidung) semasa berwuduk kecuali jika engkau berpuasa”. Baginda menegah Laqit daripada berlebih-lebih (dalam perbuatan istinshaq ketika berpuasa). Jika tidaklah kerana masuknya air akibat berlebih-lebih boleh membatalkan puasa, nescaya tegahan daripada berlebih-lebih itu tidak mempunyai apa-apa makna. Hal ini kerana perbuatan berlebih-lebih adalah dilarang ketika berpuasa. Apa-apa perbuatan yang berpunca daripada sebab yang dilarang, hukumnya sama seperti membuat perkara tersebut”.

Dalam kitab “Rawdat al-Talibin Wa ‘Umdat al-Muftin” imam al-Nawawiyi menjelaskan dengan panjang lebar:

مِنَ الْمُفْطِرَاتِ دُخُولُ شَيْءٍ فِي جَوْفِهِ - وَقَدْ صَبَطُوا الدَّاحِلَ الْمُفْطِرَ بِالْعَيْنِ الْوَاصِلَةَ - الظَّاهِرُ إِلَى الْبَاطِنِ فِي مَنْفَذٍ مَفْتُوحٍ عَنِ قَصْدِ مَعَ ذِكْرِ الصَّوْمِ. وَفِيهِ قُبُودٌ: مِنْهَا الْبَاطِنُ الْوَاصِلُ إِلَيْهِ. وَفِيهَا يُعْتَبَرُ بِهِ وَجْهَانِ؛ أَحَدُهُمَا: أَنَّهُ مَا يَقَعُ عَلَيْهِ اسْمُ الْجَوْفِ، وَالثَّانِي: يُعْتَبَرُ مَعَهُ أَنْ يَكُونَ فِيهِ قُوَّةٌ تُحِيلُ الْوَاصِلَ إِلَيْهِ مِنْ غَدَاءٍ أَوْ دَوَاءٍ. وَالْأَوَّلُ هُوَ الْمُوَافِقُ لِكَلَامِ الْأَكْثَرِينَ، كَمَا سَيَأْتِي إِنْ شَاءَ اللَّهُ تَعَالَى. وَيَدُلُّ عَلَيْهِ أَنَّهُمْ جَعَلُوا الْخَلْقَ كَالْجَوْفِ فِي بَطْلَانِ الصَّوْمِ بِوُضُوعِ الْوَاصِلِ إِلَيْهِ.

وَقَالَ الْإِمَامُ: إِذَا جَاوَزَ الشَّيْءُ الْخَلْفُومَ، أَفْطَرَ. وَعَلَى الْوَجْهَيْنِ جَمِيعًا بَاطِنُ الدِّمَاغِ وَالْبَطْنُ وَالْأَمْعَاءُ وَالْمَثَانَةُ، مِمَّا يُفْطِرُ الْوُضُوعُ إِلَيْهِ، حَتَّى لَوْ كَانَ عَلَى بَطْنِهِ جَائِفَةٌ، أَوْ بِرَأْسِهِ مَأْمُومَةٌ، فَوَضَعَ عَلَيْهَا دَوَاءً فَوَصَلَ جَوْفَهُ أَوْ خَرِيطةَ دِمَاغِهِ، أَفْطَرَ، وَإِنْ لَمْ يَصِلْ بَاطِنَ الْأَمْعَاءِ أَوْ بَاطِنَ الْخَرِيطةِ، وَسَوَاءٌ كَانَ الدَّوَاءُ رَطْبًا أَوْ يَابِسًا. وَلَنَا وَجْهٌ: أَنَّ الْوُضُوعَ إِلَى الْمَثَانَةِ لَا يُفْطِرُ، وَهُوَ شَادٌّ. وَالْحَقْنَةُ تُفْطِرُ عَلَى الصَّحِيحِ. وَقَالَ الْقَاضِي حُسَيْنٌ: لَا تُفْطِرُ، وَهُوَ غَرِيبٌ. وَالسَّعُوطُ إِنْ وَصَلَ الدِّمَاغَ، فَطَرَ. وَمَا جَاوَزَ الْحَيْشُومَ فِي الْإِسْعَاطِ، فَقَدْ حَصَلَ فِي حَدِّ الْبَاطِنِ وَدَاخِلِ الْقَمِّ وَالْأَنْفِ إِلَى مُنْتَهَى الْعُلْصَمَةِ.

وَالْحَيْشُومُ لَهُ حُكْمُ الظَّاهِرِ مِنْ بَعْضِ الْوُجُوهِ، حَتَّى لَوْ خَرَجَ إِلَيْهِ الْقَيْءُ وَابْتَلَعَ مِنْهُ نُخَامَةً، أَفْطَرَ، وَلَوْ أَمْسَكَ فِيهِ شَيْئًا، لَمْ يُفْطِرْ، وَلَوْ نَجَسَ، وَجَبَ غَسْلُهُ، وَلَهُ حُكْمُ الْبَاطِنِ مِنْ حَيْثُ أَنَّهُ لَوْ ابْتَلَعَ مِنْهُ الرِّيقَ لَا يُفْطِرُ، وَلَا يَجِبُ غَسْلُهُ عَلَى الْجَنْبِ.

Maksudnya, “Antara perkara yang membatalkan puasa ialah masuknya sesuatu ke dalam rongga -para ulama menjelaskan prinsip perkara yang masuk ke dalam rongga yang boleh membatalkan puasa ialah benda benda (al-‘ayn) yang sampai ke rongga- iaitu sesuatu yang zahir masuk ke dalam laluan (rongga) terbuka dengan sengaja dan dalam keadaan sedar dia sedang berpuasa. Dalam hal ini ada beberapa syarat: antaranya kawasan dalam rongga

yang sesuatu benda boleh sampai kepadanya. Apa yang boleh diiktibarkan dengannya ada dua keadaan; yang pertama: apa yang dinamakan rongga (*al-jawf*). Yang kedua: diiktibarkan bersamanya yang mana ia mampu mencernakan apa-apa yang sampai kepadanya seperti makanan atau ubat.

Yang pertama itu, ia sama dengan pandangan jumhur ulama, seperti yang akan disebutkan nanti insya Allah Taala. Ini kerana mereka menyamakan *halkum* seperti rongga dalam isu batalnya puasa dengan masuknya sesuatu ke dalamnya.

Imam *al-Shafi'i* berkata, "jika sesuatu benda melepasi *halkum*, ia membatalkan puasa. Atas dua pandangan semuanya; hujung otak, perut, usus, dan pundi kencing iaitu perkara yang membatalkan puasa sekiranya sesuatu masuk ke dalamnya, walaupun terdapat liang di perutnya atau di kepalanya ada luka (*ma'mumah*), lalu dia meletakkan ubat ke atasnya dan ia masuk ke rongganya atau kantung otaknya (*kharitat al-dimagh*), maka ia membatalkan puasa, sekalipun ia tidak sampai ke dalam usus atau kantung otaknya (*batin al-kharitah*), sama ada ubat itu basah atau kering.

Kami mempunyai satu pandangan lain, iaitu perkara yang masuk ke dalam pundi kencing tidak membatalkan puasa. Ini adalah pandangan yang pelik. Suntikan (ke dalam rongga) membatalkan puasa mengikut pandangan yang kuat (*sahih*). *Al-Qadiyy Husayn* berkata: ia tidak membatalkan puasa dan ini pandangan yang pelik. Menyedut ubat melalui hidung (*al-sa'ut*), sekiranya ia sampai ke otak, ia boleh membatalkan puasa. Benda yang boleh melepasi *al-khayshum* (pangkal hidung dalam) ketika sedutan, ia telah masuk ke rongga dalam, ke dalam mulut dan hidung hingga ke pangkal anak tekak (*al-ghalsamah*).

al-Khayshum mempunyai hukum *zahir* daripada satu segi, sehingga jika keluar muntah melaluinya dan dia menelan sedikit daripadanya dengan ludahnya, maka ia membatalkan puasa. Jika dia hanya menahannya dalam mulut (tanpa menelannya), ia tidak membatalkan puasa. Jika ia bernajis, wajib membasuhnya. Hukumnya sama dengan *al-batin* dari segi jika dia menelan air liur daripadanya, ia tidak membatalkan puasa. Tidak wajib juga membasuhnya ke atas orang yang berjunub".

Daripada dua nukilan daripada imam *al-Nawawiyy*, jelas menunjukkan memasukkan sesuatu ke dalam rongga terbuka seperti hidung ataupun mulut dengan sengaja, boleh membatalkan puasa. Adapun perbuatan yang tidak sengaja, tidaklah membatalkan puasa seseorang.

Prosedur swab bagi ujian COVID-19 adalah perbuatan yang sengaja dan atas kerelaan dan pengetahuan individu serta ia dilakukan dalam keadaan individu itu sedar. Namun, begitu pihak Jawatankuasa Muzakarah MKI dan Jawatankuasa-Jawatankuasa Fatwa Negeri dalam isu ini, tidak mengambil pandangan mazhab *Shafi'i* atas alasan perubatan dan kesihatan.

Antara hujah yang digunakan oleh mereka yang mengatakan ia tidak batal, kerana "sesuatu" yang masuk ke dalam rongga itu bukan berbentuk makanan atau minuman. Dalam prosedur swab bagi ujian COVID-19, yang dimasukkan ke dalam hidung atau mulut ialah batang swab seperti pengorek telinga dan ia akan ditarik keluar semula. Jadi ia tidak kekal, lagi pula ia bukan makanan atau minuman.

Ini antara yang disebutkan oleh Dr. Ahmad bin Muhammad *al-Khalil* (2008) dalam tulisannya "*Muftirat al-Siyam al-Mu'asirah*". Menurut beliau, titisan ubat melalui hidung pun tidak membatalkan puasa sekalipun ia sampai ke perut kerana ia bukan makanan atau minuman. Apatah lagi, kuantitinya lebih sedikit daripada sisa air kumuran, di mana kalau

sisa air kumuran pun tidak membatalkan puasa, maka ubat titisan melalui hidung pun tidak membatalkan puasa.

Ini bermaksud pandangan sebegini memperincikan lagi pandangan fuqaha mazhab Shafi'i mengenai masuknya sesuatu ke dalam rongga dengan sengaja. Sekiranya yang masuk ke dalam rongga dengan sengaja berbentuk makanan atau minuman, ia membatalkan puasa. Namun dalam kes-kes kesihatan dan perubatan, contohnya ujian swab COVID-19, ia tidak membatalkan puasa kerana yang masuk ke dalam rongga bukan makanan atau minuman, sebaliknya adalah batang swab dan ia akan ditarik keluar setelah mendapatkan mukus daripada hidung atau mulut.

Namun penulis mengambil jalan berhati-hati dengan menasihatkan sekiranya ujian swab COVID-19 boleh dibuat di sebelah malam bulan Ramadan, adalah lebih baik begitu. Sehubungan itu, penulis bersetuju dengan pandangan daripada Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang iaitu puasa tersebut diqada sebagai langkah untuk keluar daripada khilaf fuqaha. Yang kedua ialah sekiranya prosedur swab itu boleh dilakukan pada waktu malam bulan Ramadan, itu adalah Langkah yang paling terbaik juga untuk keluar daripada khilaf fuqaha berkenaan isu ini.

PENUTUP

COVID-19 telah memberi dimensi baharu kepada dunia fiqh kontemporari dan mencabar malakah fiqhiyyah para fuqaha zaman sekarang. Beberapa isu fiqh telah berbangkit daripada pandemik COVID-19 ini termasuklah prosedur swab ketika puasa. Dari segi perubatan dan kesihatan, prosedur swab perlu dilakukan tanpa mengira waktu. Ini untuk mengesan sama ada seseorang itu dijangkiti COVID-19 ataupun tidak.

Ujian swab perlu dilakukan untuk mengesahkan sama ada seseorang individu masih mempunyai virus tersebut di dalam badan ataupun bebas daripada jangkitan COVID-19. Kuarantin dilakukan supaya pesakit tidak menyebarkan virus tersebut kepada orang di sekitar. Rentetan daripada wabak COVID-19 yang masih tersebar dengan pantas di seluruh dunia, pengambilan sampel perlu diteruskan walaupun sedar akan situasi melibatkan ibadat puasa bagi umat islam khususnya puasa pada bulan Ramadan .

Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwat Ugama Islam (MKI) telah mengeluarkan fatwa mengenai perkara ini daripada aspek hukum dengan jelas sekali. Dapat disimpulkan bahawa Jawatankuasa Muzakarah MKI dan Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri memutuskan prosedur swab ketika puasa tidak membatalkan puasa walaupun ia tidak selari dengan pandangan mazhab Shafi'i. Hal ini berdasarkan kelonggaran dalam fiqh yang mengambil kira aspek kesihatan seseorang.

RUJUKAN

- Ahmad bin Muhammad al-Khalil. 2008. *Muftirat al-Siyam al-Mu'asirah*. <https://www.alukah.net/spotlight/0/3352/> (diakses pada 7 November 2020).
- Astro Awani. 2020. Video Malaysia: *Ujian swab COVID-19 tidak membatalkan puasa*. <https://www.astroawani.com/video-malaysia/ujian-swab-covid-19-tidak-membatalkan-puasa-1845099> (diakses pada 17 Februari 2021).
- Berita Harian. 2020. Berita Nasional. *COVID-19:Ujian swab tidak batalkan puasa*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/679668/covid-19ujian-swab-tidak-batalkan-puasa> (diakses pada 17 Februari 2021).
- Berita Harian. 2020. COVID-19: *Ujian Swab Tidak Membatalkan Puasa - Mufti Kelantan*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/680018/covid-19-ujian>

- swab-tidak-membatalkan-puasa-%E2%80%93-mufti-kelantan (diakses pada 6 November 2020).
- CPRC Kementerian Kesihatan Malaysia. *Statistik Terkini COVID-19 Di Malaysia Setakat Jam 5:00 Petang Yang Dikeluarkan Oleh KKM*. <http://www.moh.gov.my/index.php/pages/view/2019-ncov-wuhan> (diakses pada 21 April 2020).
- Huang C, Wang Y, Li X, Ren L, Zhao J, Hu Y et al. 2020. *Clinical Features Of Patient Infected With 2019 Novel Coronavirus In Wuhan, China*. *The Lancet*, 395 (10223), 497-506.
- Jabatan Mufti Negeri Perak. 2020. *Garis Panduan Hukum Ujian Saringan Dan Prosedur Rawatan Pesakit Covid-19 Pada Bulan Ramadan*. http://mufti.perak.gov.my/images/hebahan/covid/hukum_saringan.pdf (diakses pada 6 November 2020).
- Jabatan Mufti Negeri Perlis. 2020. *Hukum Ujian Swab Untuk Saringan Covid-19 Terhadap Orang Berpuasa*. <https://mufti.perlis.gov.my/index.php/himpunan-fatwa-negeri/341-hukum-ujian-swab-untuk-saringan-covid-19-terhadap-orang-berpuasa> (diakses pada 6 November 2020).
- Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang. 2020. *Kenyataan Rasmi Mufti Negeri Pulau Pinang Panduan Hukum Berkaitan Ujian Saringan Dan Prosedur Rawatan Pesakit Covid-19 Pada Bulan Ramadan*. <http://mufti.penang.gov.my/index.php/en/2014-11-12-02-48-39/dasar-dan-polisi/garis-panduan/469-panduan-hukum-berkaitan-ujian-saringan-dan-prosedur-rawatan-pesakit-covid-19-pada-bulan-ramadan/file> (diakses pada 6 November 2020).
- Jabatan Mufti Negeri Sarawak. 2020. *Hukum Ujian Saringan Dan Prosedur Rawatan Pesakit COVID-19 Pada Bulan Ramadan*. Poster Jabatan Mufti Negeri Sarawak. <https://mobile.twitter.com/japensarawak/status/1253098858424352768> (diakses pada 6 November 2020).
- Jawatankuasa Muzakarah Kebangsaan MKI. 2020. *Panduan Hukum Ujian Saringan Dan Prosedur Rawatan Pesakit Covid19 Pada Bulan Ramadhan*.
- Majlis Ugama Islam Singapura. 2020. Resources. FAQ Ramadhan. <https://www.muis.gov.sg/-/media/Files/OOM/Resources/FAQ-Ramadan-Malay.pdf?la=en&hash=9517E9EAE603BC14BB03192A8B90F3170343A96C> (diakses pada 17 Februari 2021)
- Medivisual. 2020. <https://medivisuals.com/> (diakses pada 21 April 2020).
- Ministry of Health Malaysia (MOH). *Guidelines On Laboratory Testing For COVID-19*. ANNEX 5a. <http://www.moh.gov.my/index.php/pages/view/2019-ncov-wuhan-guidelines> (diakses pada 21 April 2020).
- al-Nawawiyy, Muhy al-Din Yahya bin Sharaf. *al-Majmu' Sharh al-Muhadhdhab*.
- al-Nawawiyy, Muhy al-Din Yahya bin Sharaf. *Rawdat al-Talibin Wa 'Umdat al-Muftin*.
- PROVLAB. 2017. *Collection Of A Nasopharyngeal And Throat Swab For Detection Of Respiratory Infection*. Alberta Health Services. Revised March 2017. <https://www.albertahealthservices.ca/assets/wf/plab/wf-provlab-collection-of-nasopharyngeal-and-throat-swab.pdf>.
- Puritan Blog. 2015. *How To Collect A Throat Swab Specimen*. Apr 29, 2015. <https://blog.puritanmedproducts.com/how-to-collect-a-throat-swab-specimen>.
- Richman, DD, Whitley, RJ, Hayden FG, 2016. *Clinical Virology*. 4th edn. Washington: ASM Press.

- Soal Jawab Fiqh Covid-19 Bersama YB Senator Datuk Zulkifli Mohamad al-Bakri*. Pejabat Menteri Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama). <https://mira.gov.my/wp-content/uploads/2020/06/Fiqh-Covid-19.pdf> (diakses pada 6 November 2020).
- World Health Organization(a). 2020. *Novel Coronavirus Disease Named COVID-19*. <https://www.who.int/emergencies/diseases/novel-coronavirus-2019> (diakses pada 11 Februari 2020).
- World Health Organization(b). 2020. *Public Health Emergency Of International Concern Declared*. <https://www.who.int/emergencies/diseases/novel-coronavirus-2019> (diakses pada 30 Januari 2020).
- World Health Organization(c). 2020. *WHO Characterizes COVID-19 As A Pandemic*. <https://www.who.int/emergencies/diseases/novel-coronavirus-2019> (diakses pada 11 Mac 2020).
- Yang Y, Yang M, Shen C, Wang F, Yuan J, Li J et al. 2020. *Laboratory Diagnosis And Monitoring The Viral Shedding Of 2019-Ncov Infections*. MedRxiv. <https://doi.org/10.1101/2020.02.11.20021493>.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Fiqhiyyat tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.